


TAMAN MINI
MELAKA .

Y
00072
HAL

KOLEKSI N. A. HALIM

*The Traditional House
Architecture of
Mini Malaysia*



KOLEKSI N. A. HALIM



KATA-KATA ALUAN

Terlebih dahulu saya ingin mengucapkan tahniah kepada Perbadanan Kemajuan Negeri Melaka menjadikan projek Taman Mini Malaysia suatu kenyataan.

Langkah positif yang diambil ini adalah merupakan suatu usaha yang perlu disanjung dan pada pendapat saya adalah kena pada ketikanya dikala pihak kerajaan sedang mempertingkatkan usaha membangunkan sektor pelancungan di negeri ini.

Senibina 13 buah rumah negeri-negeri di Malaysia di Melaka mencerminkan usaha yang unggul oleh kerajaan negeri ke arah kemajuan pelancungan di negeri ini. Keunggulan ini timbul dari hasrat kerajaan memberikan pengetahuan yang mendalam bukan sahaja mengenai sejarah tempatan bahkan sebahagian daripada senibina tradisi dan warisan kebudayaan Malaysia di mana sehingga kini belum lagi diketahui oleh masyarakat umum.

Pembangunan Mini Malaysia serta penerbitan buku cenderamata ini pada pendapat saya akan menempatkan Melaka ditahap terkemuka dalam industri pelancungan Malaysia.

**(DATUK SERI ABDUL RAHIM
DATO TAMBY CHIK)**

*Ketua Menteri
Melaka.*

MESSAGE

First and foremost, I wish to extend my congratulations to the Malacca State Development Corporation in making Mini Malaysia or Malaysia in Miniature a reality.

Such a positive move is worthy of praise and, I am of the opinion, that such an effort is a timely one when the State Government is emphasizing the development of tourism in Malacca.

The portrayal of the house architecture of the 13 states of Malaysia in Malacca reflects the unique effort of the State Government towards promoting tourism in Malacca. This uniqueness stems from the aim of inculcating the visitor with an in-depth knowledge of not only the local history but also a spectrum of the traditional architecture and cultural heritage of Malaysia which to date has not been brought to the attention of the general public.

The development of Mini Malaysia and the publication of this souvenir booklet will, I am sure, place Malacca at a vantage point in the tourist industry of Malaysia.

**(DATUK SERI ABDUL RAHIM
DATO TAMBY CHIK)**

*Chief Minister
Malacca.*



PERBADANAN KEMAJUAN NEGERI MELAKA

(MALACCA STATE DEVELOPMENT CORPORATION)


KATA-KATA ALUAN

Mini Malaysia merupakan sebuah pusat kebudayaan yang menekankan senibina rumah tradisional negeri-negeri di Malaysia yang unggul adalah suatu pendekatan baru dalam industri pelancungan di Malaysia dan negeri Melaka khususnya.

Saya sangat berbangga kerana terlibat sama dalam usaha ini dan sudah pasti usaha serupa ini akan menempatkan Melaka dalam peta pelancungan dunia.

Kita di Melaka pada masa ini sedang mengutamakan pelancungan sebagai salah satu kegiatan ekonomi negeri ini dan adalah diharapkan melalui buku cenderamata ini para pelancung akan membawa balik bersama mereka kenangan yang abadi.

Saya ingin mengambil kesempatan melalui penerbitan buku cenderamata ini mengucapkan terima kasih dan tahniah kepada semua yang sama-sama mengambil bahagian samada besar ataupun kecil bagi menjaya projek ini.


DATUK MOHD. ZAM BIN ABDUL WAHAB
Setiausaha NEGERI MELAKA
merangkap
Pengurus Besar
PERBADANAN KEMAJUAN
NEGERI MELAKA.


MESSAGE

Mini-Malaysia, a cultural centre emphasizing the unique traditional house architecture of the various states of Malaysia, is a new outlook for the tourist industry of Malaysia and Malacca in particular.

I am indeed proud to be part of this venture and it is without doubt that such an effort will place Malacca eminently on the tourist map of the world.

We, in Malacca, are now placing tourism high on our list of economic ventures and we want the tourist to leave with an everlasting imprint and memento of their visit here through this souvenir booklet.

I wish to take this opportunity, through the publication of this souvenir booklet, to offer my thanks and congratulations to all who played a part, whether prominent or small, in the success of this venture.


DATUK MOHD. ZAM BIN ABDUL WAHAB
State Secretary MALACCA
cum General Manager
MALACCA STATE
DEVELOPMENT CORPORATION



PERBADANAN KEMAJUAN NEGERI MELAKA

(MALACCA STATE DEVELOPMENT CORPORATION)

Kata Pengantar

Buku cenderamata 'Senibina Rumah Tradisional Taman Mini Malaysia' ini diterbitkan adalah selaras dengan pembangunan projek pelancungan Taman Mini Malaysia terletak di Air Keroh, Melaka yang dimajukan oleh Perbadanan Kemajuan Negeri Melaka.

Kesemua sebelas buah rumah tradisional di Semenanjung Malaysia dan dua buah rumah tradisional Sabah dan Sarawak dibina berdasarkan kepada pelan-pelan bangunan yang dibekalkan oleh En. Abdul Halim bin Nasir, seorang kakitangan Muzium Negara Kuala Lumpur dan oleh Muzium Sabah dan Muzium Sarawak.

Dengan pengeluaran buku ini adalah diharapkan memberi menafaat kepada para pembaca, pelancung-pelancung dan segenap lapisan masyarakat hari ini untuk mengetahui dan mengenali secara ringkas sebahagian kecil daripada lebih dari tiga puluh bentuk senibina rumah tradisional Malaysia yang kian pupus oleh arus permodenan.

Akhir sekali saya ingin mengucapkan ribuan terima kasih kepada Y.A.B. Datuk Seri Abdul Rahim bin Dato Tamby Chik, Ketua Menteri Melaka dan Y.B. Datuk Mohd. Zam bin Abdul Wahab, Pengurus Besar Perbadanan yang menaruh kepercayaan penuh mereka kepada saya untuk menyelaraskan pembangunan projek Taman Mini Malaysia sehingga dapat menerbitkan buku cenderamata ini. Ucapan terima kasih juga kepada pihak muzium, jabatan kerajaan dan orang perseorangan yang sama-sama menjayakan projek Taman Mini Malaysia.


ABDUL RAHMAN AHMAD
Pegawai Kanan Pelancungan
PERBADANAN KEMAJUAN
NEGERI MELAKA

Foreword

"The Traditional House Architecture of Mini Malaysia" is published in conjunction with the development of Mini Malaysia, a tourist development project located in Air Keroh, Malacca, under the auspices of the Malacca State Development Corporation.

The plans for the traditional houses of Peninsular Malaysia and the two traditional houses of Sabah and Sarawak (East Malaysia) are based on the architectural designs supplied by En. Abdul Halim bin Nasir, National Museum, Kuala Lumpur and by the State Museums of Sabah and Sarawak.

It is hoped that the publication of this booklet will provide the readers, tourists and a broad spectrum of the local population an insight of a small section of the more than 30 types of traditional architecture of the locals which are slowly being made extinct by the wave of modernisation.

Last but not least, I wish to express my gratitude and appreciation to Y.A.B. Datuk Seri Abdul Rahim bin Dato Tamby Chik, Chief Minister of Malacca and, also, Y.B. Datuk Mohd. Zam bin Abdul Wahab, General Manager of the Malacca State Development Corporation, who had placed their full trust and confidence in me to undertake the development of Mini Malaysia to the publication of this souvenir booklet. My sincere thanks and appreciation to the museum officials, government departments and various individuals who had played a part in the success of the Mini Malaysia project.


ABDUL RAHMAN AHMAD
Senior Tourist Officer
MALACCA STATE DEVELOPMENT
CORPORATION

History of the Traditional Houses

The written evidence both historical or traveller's accounts prove that since the 1st Century, there were Malay Governments that had an advanced civilization and economic stature in the Malay Archipelago. Clusters of houses that formed village settlements were found mainly by the river banks or by the sea. The structure of these houses were closely related to the environment and the way of life at that period of time. The architecture of the houses before the formation of the Malacca Sultanate and Government in the 1st Century is vague as a result of insufficient written evidence on the subject.

However, studies made by Tan Sri Mubin Sheppard on the writings by 'Ma Touan Lin' in the 13th Century revealed the similarity between the architecture in the Khmer Republic and those in Patani (Senggora) in Thailand. Since close historical and cultural ties were established between Patani and the states of Kedah, Kelantan and Trengganu, the architecture of the Rumah Tiang Dua Belas or the Twelve Post House in Kelantan and Trengganu were strongly influenced by those in Patani.

The earliest writings on the architecture of the palace of Sultan Mansur Shah in the 15th Century reveals a close similarity between the architecture of the palace and that of the traditional Malay house. The book Sejarah Melayu or Malay Annals (Sulalatus Salatin) stated that one of the laws during the reign of Sultan Muhammad Shah (1424 - 1447) forbade commoners to build houses with a 'serambi' (verandah), 'anjung' (front room) and double-storeys, that is, the addition of the windowed peran' (attic), with a 'serambi'.

In the historical writings based on the visit by the Dutch Admiral Cornelis Matelief in the early 17th Century, it was stated that Matelief had reported the finding of Malay houses on stilts located on the river banks. Matelief, however, failed to give a description of these houses.

However, the drawings by R. Knight in the book 'Perak and the Malays', done during his visit to Perak in the 1870's, revealed that the houses found along the whole course of the Perak River did not differ greatly. The houses had long roofs made from wood with attap from the Rumbia (sago), Nipah or Bertam palm.

Sejarah Rumah Tradisional

Daripada catitan yang kurang lengkap samada dari kesan sejarah atau sumber pengembara-pengembara membuktikan bahawa sejak kurun pertama sudah ada kerajaan-kerajaan Melayu yang mempunyai taraf ekonomi dan tamadun yang tinggi di Nusantara. Mereka telah mempunyai rumah-rumah dalam kelompok-kelompok perkampungan yang biasanya di tepi-tepi sungai ataupun di tepi laut. Rumah-rumah mereka tentulah masih terikat kuat dengan keadaan alam persekitaran dan cara hidup di waktu itu. Senibina rumah-rumah Melayu sebelum wujud Kerajaan Melayu Melaka di kurun ke 15 tiada siapa yang dapat memberi penerangan yang jelas kerana ketiadaan catatan yang lengkap.

Walau bagaimanapun berdasarkan kajian oleh Tan Sri Mubin Sheppard mengenai catitan yang dibuat oleh "Ma Touan Lin" pada kurun ke 13 terdapat persamaan senibina rumah di Republik Kemboja dan senibina rumah di Patani (Singora) Thailand. Oleh kerana Patani mempunyai hubungan sejarah dan kebudayaan yang rapat dengan negeri-negeri Kedah, Kelantan, dan Trengganu maka senibina rumah tiang 12 di Kelantan dan Trengganu dipengaruhi oleh senibina Patani.

Catatan yang terawal mengenai sebuah bangunan orang Melayu walaupun dari segi senibina istana Sultan Mansur Syah dalam kurun ke 15 sudah pasti dapat memberi gambaran pertalian rapat senibina istana dengan senibina rumah Melayu itu sendiri. Umpamanya dalam buku Sejarah Melayu (Sulalatus Salatin) ada menjelaskan salah satu daripada adat istiadat semasa pemerintahan Sultan Muhammad Syah (T.M. 1424 - 1447) melarang orang kebanyakan mendirikan rumah beranjung dan rumah bertingkat iaitu ada ruang berloteng yang bertingkat serta beranda.

Dalam catatan sejarah seperti lawatan Laksamana Belanda bernama Cornelis Matelief pada awal kurun ke 17 di sekitar Sungai Johor, yang terdapat dalam sejarah Johor, Matelief melapurkan rumah-rumah orang Melayu didirikan di atas tiang di tepi-tepi sungai tanpa menyebut mengenai bentuk rumah berkenaan.

Walau bagaimanapun daripada lukisan yang dibuat oleh R. Knight dalam buku "Perak and The Malays" semasa beliau melawat Perak dalam tahun 1870an dapatlah dibayangkan bahawa rumah Melayu di sepanjang Sungai Perak tidak banyak bezanya dengan rumah bumbung panjang yang menggunakan bahan binaan daripada kayu dan tutup bumbungnya dari daun rumbia, nipah atau bertam.

Senibina Rumah Tradisional Malaysia

Bila sebenarnya orang Melayu telah pandai membina rumah dan bagaimana bentuk rumah mula-mula dibina tidak siapa dapat menyatakan dengan tepat. Bentuk rumah yang mula-mula digunakan oleh orang Melayu ialah bentuk rumah berpanggung iaitu bertiang, lantainya tinggi dari permukaan tanah. Manakala bentuk bumbungnya berbentuk lipat kajang seperti huruf V terbalik di mana pada puncak pertemuan tutup bumbung dipasang kayu panjang lurus mendatar dipanggil tulang bumbung. Pada tepinya pula dipasang dinding tegak dipanggil tabir atau tubing layar.

Rumah yang awal didiami oleh orang Melayu dipanggil dangau atau teratak berbumbung panjang dan mempunyai tabir layar. Rumah jenis ini terdapat di perkampungan pendalaman, di dusun buah-buahan dan sawah padi. Bentuk rumah dangau yang awal dikenal sebagai 'Rumah Gajah Menyusu' iaitu pada rumah ibu disambung sebuah bangunan lagi di mana tulang bumbungnya lebih rendah dari tulang bumbung ibu. Bagi rumah dangau yang terdiri dari rumah ibu dikenali sebagai 'Rumah Bujang' sahaja.

Pembinaan rumah tradisional sebelum datangnya pengaruh luar adalah sangat ringkas sistem teknologi pembuatan struktur bangunan rumahnya. Tiang-tiang rumah adalah berbentuk bulat belaka, manakala teknik persendian rangkanya sekadar diikat dengan rotan atau akar. Kemudian dari itu dibuat sedikit tarahan pada konstruksi tiang, dinding dan bumbungnya. Tetapi dalam perkembangan selanjutnya tiang-tiang dibuat bersegi dan tebuk menebuk untuk laluan kayu-kayu rasuk dan alang. Dinding rumah dan muka tabir layar menggunakan dinding tepas yang berkelarai.

Pengaruh kebudayaan serantau seperti daripada Aceh, Minangkabau, Riau, Bugis, Jawa, Patani dan sebagainya telah memberi banyak sumbangan dalam memperkayakan berbagai bentuk rumah tradisional di Semenanjung Malaysia. Senibina rumah Negeri Sembilan mempunyai pengaruh Minangkabau, negeri Johor mempunyai rumah limas dipengaruhi unsur Bugis, senibina rumah Kelantan dan Trengganu mempunyai pengaruh Selatan Thai. Walau bagaimanapun bagi negeri-negeri lain senibina rumahnya masih berbentuk bumbung panjang iaitu masih merupakan rumah tradisional orang Melayu kecuali rumah Melaka mempunyai tangga batu yang dipengaruhi oleh kaum Cina telah diterima sebagai rumah tradisional Melaka.

Berbeza sekali dengan Sabah dan Sarawak di mana senibina rumah tradisional kedua-dua negeri berkenaan masih tidak dipengaruhi oleh mana-mana unsur luar. Senibina rumah berkenaan masih asli di mana teknologi pembuatannya seperti persendian rangkanya diikat dengan rotan, dinding rumah diperbuat daripada kulit kayu, pelepah rumbia dan lantai pula menggunakan jeriau atau buluh.

The Traditional House Architecture of Malaysia


The actual period when the Malays were knowledgeable in constructing houses and the structure of these houses are not known for certain. The form of these houses are stage-like, that is, built on stilts with the floor above ground. The roofing extends down from a long horizontal ridge called the 'tulang bumbung' or ridge piece with the 'tabir layar' (gable ends) at the ends.

The earliest houses of the Malays are called 'dangau' or 'teratak' (small hut) which have long roofs and the 'tabir layar'. This type of house is found in the interior settlements or 'kampungs' (villages), in fruit orchards or padi areas. The form of the earliest type of 'dangau' is called Rumah Gajah Menyusu ('rumah' means house and 'gajah menyusu' means an elephant suckling her young). This structure consists of a 'rumah ibu' (main house) connected to another section where the roof is lower than the former. A 'dangau' that comprises only the 'rumah ibu' is known as a Rumah Bujang ('bujang' meaning single).


The housing technology before the encroachment of external influences is simple. The posts of these houses are round and the framework and other attachments are secured by 'rotan' (rattan) or 'akar' (roots). Later, the posts were planed. A further stage in the housing technology developed when multi-edged posts were used. Holes were chiselled for the insertion of cross-beams, 'tepes' (bamboo wickerwork for walls) were used for the walls and the 'tabir layar'.

The cultural influence of the region such as that of Aceh, Minangkabau, Riau, Bugis, Java and Patani had contributed towards the varied and rich architecture of the traditional houses in Peninsular Malaysia. The architecture of the traditional Malay houses in Negeri Sembilan and Johore were influenced by that of the Minangkabau and the Bugis respectively whilst those in Kelantan and Trengganu reflected the architecture of Southern Thailand. The other traditional houses of the other states were also characterised by the long roof of the traditional Malay house. However, in Malacca stone steps influenced by the Chinese were accepted as one of the features of the traditional Malacca Malay House.


The traditional houses of Sabah and Sarawak reveal a different form of architecture which have not been affected by external influences. The building technology in its original form is still used, for example, the framework is attached by 'rotan', the walls are made from tree bark and Rumbia (sago) fronds and 'jeriau' (bamboo latticework) are used for the flooring.




KERATAN A-A
SECTION A-A




PANDANGAN HADAPAN
FRONT ELEVATION



PELAN LANTAI
FLOOR PLAN



PANDANGAN SISI KIRI
LEFT ELEVATION




PANDANGAN SISI KANAN
RIGHT ELEVATION

RUJUKAN reference

- | | | |
|--|--|--|
| 1. TULANG BUMBUNG
ridge piece | 10. JENANG
stud | 18. TIANG KAYU
Timber post |
| 2. BUMBUNG GENTING SENGGORA
senggora rlay roofing tiles | 11. BENDUL
timber curb | 19. ALAS (PELAPIKI) TIANG
stump |
| 3. TUNJUK LANGIT
king post | 12. KAWAN (PENGAPIT) DINDING
beading | 20. JENANG PINTU
door frame |
| 4. GULUNG GULUNG
batten | 13. JENANG TINGKAP
window frame | 21. PAPAN BERLARIK
carved panel |
| 5. KASAU JANTAN
main rafter | 14. LANTAI PAPAN
timber floor | 22. TUMPU KASAU
fascia board |
| 6. KASAU BETINA
intermediate rafter | 15. GELEGAR
joist | 23. TABIR (TUBING) LAYAR
gable end |
| 7. SALUR AIR (PALONG)
gutter | 16. RASUK PENDEK (PANDAK)
be | 24. KEKISI
balkustrade |
| 8. ALANG LINTANG
timber bracing | 17. RASUK PANJANG (KAYU PELANCAR)
battler | 25. DINDING PELUPUH BERKELARAI
kelarai bamboo board |
| 9. ALANG PANJANG (KEPALA TIANG)
timber beam | | 26. PINTU PAPAN KEMBUNG
panel door |

RUMAH BUMBUNG PANJANG PERLIS PERLIS LONG ROOFED HOUSE



Di Perlis terdapat rumah tradisional Melayu dikenal sebagai Rumah Panjang atau Rumah Bumbung Panjang Perlis yang berusia lebih 70 tahun. Rumah jenis ini makin pupus.

Rumah Panjang Perlis mengandung banyak tiang, kadang-kadang berjumlah 24 batang tiang pada rumah ibunya. Bentuk rumahnya memanjang, bumbung panjang lurus mendatar, di hadapannya di pasang tebar layar berbentuk huruf V terbalik. Tabir layar merupakan sebahagian daripada tutup dinding bumbungnya yang dibuat daripada pelupuh yang berkelarai.

Rumah Panjang Perlis di buat daripada kayu cengal dan damar laut, dindingnya daripada kelarai, atapnya dari rumbia atau nipah dan adakala menggunakan genting Senggora.

Komponen bangunan rumah berkenaan terdiri dari rumah ibu dan rumah dapur. Rumah ibu mengandungi ruang disebut ruang lepar (serambi), bilik, ruang tengah dan ruang tamu. Rumah dapur terdiri daripada sebuah ruang yang tidak bersekat tetapi dipisah oleh ruang yang dipanggil ruang selang.

The traditional Malay house in Perlis is known as the Perlis Long Roofed House and dates back more than 70 years. This type of house is slowly becoming extinct.

The Perlis Long Roofed House comprises numerous posts or stilts, the 'rumah ibu' (main house), at times, standing on more than 24 such posts. It has an elongated shape and a horizontal roof with 'tabir layar' (gable ends) at the ends.

The Perlis Long Roofed House is made from Cengal and Damar Laut wood. Its walls are made from 'pelupuh yang berkelarai' (flattened bamboo strips interwoven in a pattern). Its roofing is made of attap from the Rumbia (sago) or Nipah palm and, at times, Senggora tiles. The building is composed of the 'rumah ibu' and 'dapur' (kitchen). The main house comprises the 'ruang lepar' or 'serambi' (verandah), 'bilik' (rooms), 'ruang tengah' (central section) and 'ruang tamu' (visitor's lounge). The 'rumah dapur' (kitchen) is not separated by a dividing wall but only by a passage called the "ruang selang".

RUMAH BUMBUNG PANJANG PULAU PINANG PENANG LONG ROOFED HOUSE



Di Pulau Pinang terdapat beberapa jenis rumah tradisional Melayu yang berlainan bentuk iaitu Rumah Bumbung Panjang, Rumah Serambi dan Rumah Serambi Gajah Menyusu tetapi semua jenis rumah ini kian pupus.

Rumah Serambi Gajah Menyusu dapat dikenal dengan bentuk bumbungnya di mana bumbung ibu kelihatan tinggi dari bumbung serambi. Rumah Bumbung Gajah Menyusu bumbungnya kelihatan tinggi rendah seperti seekor gajah yang sedang menyusukan anaknya.

Rumah jenis ini menggunakan bumbung panjang lurus mendatar dan di muka tepi dindingnya dipasang dinding tegak yang di panggil tabir layar manakala komponen bangunannya terdiri dari rumah ibu dan dapur.

Pembahagian ruangnya terdiri dari ruang rumah tangga, terletak di hadapan ruang serambi luar, ruang tengah, rumah serambi dalam, ruang gajah menyususu dan dapur.

Bahan-bahan rumah ialah dari kayu seperti Cengal dan Meranti manakala atapnya dari Rumbia.

In Penang several different types of traditional Malay houses can be found such as the Rumah Bumbung Panjang (Long Roofed House), Rumah Serambi and Rumah Serambi Gajah Menyusu where 'serambi' means verandah and 'gajah menyususu' means an elephant suckling her young. These various traditional houses are increasingly becoming extinct.


The latter is recognised by the shape of its roof whereby the roof of the 'rumah ibu' (main house) is higher than the roof of the 'serambi'. This particular structure is akin to an elephant suckling her young.

The architecture is made up of a long horizontal roof with 'tabir layar' (gable ends) at the ends. The whole structure is made up of a 'rumah ibu' and a 'dapur' (kitchen)


The house is divided into the 'ruang rumah tangga' (extended verandah) located in front of the 'serambi', the 'ruang tengah' (central section), the 'ruang serambi dalam' (inner verandah), the 'ruang gajah menyususu' and the 'dapur'.

The materials used in the building of the house are Cengal and Meranti wood and the attap is from the Rumbia (sago) palm.


RUMAH KEMBARAN BANGUNAN KEDAH
TWO TWIN ROOFED HOUSE




KERATAN A-A
SECTION A-A




PANDANGAN SISI KIRI
LEFT ELEVATION



PANDANGAN SISI KANAN
RIGHT ELEVATION



PELAN LANTAI
FLOOR PLAN



PANDANGAN HADAPAN
FRONT ELEVATION

RUJUKAN reference

- | | | |
|--|---|--|
| <ul style="list-style-type: none"> 1. TULANG BUMBUNG (PERABUNG)
<i>ridge piece</i> 2. KASAU BETINA
<i>intermediate rafter</i> 3. KASAU JANTAN
<i>main rafter</i> 4. GULUNG GULUNG
<i>batten</i> 5. TUNJUK LANGIT
<i>king post</i> 6. ALANG PANJANG (KEPALA TIANG)
<i>bearer</i> 7. ALANG LINTANG
<i>timber bracing</i> 8. JENANG PINTU
<i>door frame</i> 9. PINTU
<i>door</i> | <ul style="list-style-type: none"> 10. JENANG TINGKAP
<i>window frame</i> 11. JENANG
<i>stud</i> 12. KEKISI TINGKAP
<i>window balustrade</i> 13. TANGGA KAYU
<i>timber stair/case</i> 14. TIANG KAYU
<i>timber post</i> 15. ALAS (PELAPIK) TIANG
<i>stump</i> 16. KAWAN DINDING (PENGAPIT)
<i>beading</i> 17. PARA
<i>shelf</i> 18. LANTAI PAPAN
<i>timber floor</i> | <ul style="list-style-type: none"> 19. GELEGAR
<i>joist</i> 20. RASUK PENDEK (PANDAK)
<i>se</i> 21. RASUK PANJANG (KAYU PELANCAR)
<i>bearer</i> 22. PAPAN BERLARIK
<i>carved panel</i> 23. TABIR (TUBING) LAYAR
<i>gable end</i> 24. DINDING PAPAN TINDIH KASIH
<i>weather board</i> 25. BENDUL
<i>timber curb</i> 26. TINGKAP
<i>window</i> |
|--|---|--|

RUMAH BUMBUNG PANJANG KEDAH KEDAH LONG ROOFED HOUSE



Rumah Panjang Kedah hampir sama bentuknya dengan Rumah Panjang Perlis, kecuali sekadar perbezaan pada susunan ruangnya sahaja.

Rumah Panjang Kedah bentuknya memanjang, bumbungnya panjang lurus mendatar menggunakan tabir layar yang dibuat dari pelupuh berbentuk tiga segi atau huruf V terbalik. Bumbung dapurnya rendah sedikit dari bumbung ibu seakan-akan kelihatan seperti bumbung rumah gajah menyusui yang terdapat di Pulau Pinang.

Rumah Panjang Kedah terdiri dari beberapa ruang iaitu ruang lepar dan ruang rumah tangga terletak di hadapan; manakala ruang tengah, serambi sama naik, bilik dan ruang dapur terletak di bahagian belakang.

Rumah Panjang Kedah mempunyai banyak tiang biasanya lebih 20 tiang pada rumah ibunya. Bahan-bahan binaan rumah ialah dari kayu Cengal, Meranti, Damar Laut dan buluh manakala atapnya diperbuat dari Rumbia, Nipah dan genting Senggora.


The shape of the Kedah Long Roofed House is almost similar to that of the Perlis Long Roofed House except for the arrangement of the various sections of the house.

The Kedah Long Roofed House is elongated and has a long horizontal roof with 'tabir layar' (gable ends) at the ends. The 'bumbung dapur' (kitchen roof) is lower than that of the 'rumah ibu' (main house) and the whole structure looks quite like an elephant suckling her young.


The Kedah Long Roofed House stands on several posts or stilts of which the 'rumah ibu' has more than 20. The materials used are Cengal, Meranti and Damar Laut wood and bamboo whereas the attap is from the Rumbia (sago) and Nipah palms and Senggora tiles. Its walls are made from 'pelupuh yang berkelarai' (flattened bamboo strips interwoven in a pattern).

The Kedah Long Roofed House is made up of several sections, that is, the 'ruang lepar' (verandah) and the 'ruang rumah tangga' (extended verandah) located in the front. The 'ruang tengah' (central section) 'serambi sama naik' (inner verandah), 'bilik' (room) and 'dapur' (kitchen) are located at the back.


RUMAH BUMBUNG PANJANG TERAK TRAK LONG ROOFED HOUSE




KERATAN A-A
SECTION A-A




PANDANGAN HADAPAN
FRONT ELEVATION



PELAN LANTAI
FLOOR PLAN



PANDANGAN SISI KIRI
LEFT ELEVATION




PANDANGAN SISI KANAN
RIGHT ELEVATION

RUJUKAN reference

- | | | |
|--|---|--|
| 1. GULUNG GULUNG
batten | 10. SALUR AIR (PALONG)
gutter | 18. RASUK PENDEK (PANDAK)
se |
| 2. KASAU BETINA
intermediate rafter | 11. DINDING PELUPUH BERKELARAI
kelara' bamboo board | 19. LANTAI PAPAN
timber floor |
| 3. KASAU JANTAN
main rafter | 12. DINDING PAPAN BERLIDAH
tongue and grooved timber board | 20. DINDING PAPAN SERONG BERLIDAH
sanson panel board |
| 4. TULANG BUMBUNG
ridge piece | 13. BENDUL
timber curb | 21. TABIR (TUBING) LAYAR
gable end |
| 5. TUNJUK LANGIT
king post | 14. TIANG KAYU
timber post | 22. ATAP GENTING SENGGORA
'senggora' clay roofing tiles |
| 6. ALANG LINTANG
timber bracing | 15. ALAS (PELAPIK) TIANG
slump | 23. TANGGA KAYU
timber staircase |
| 7. ALANG PANJANG
bearer | 16. GELEGAR
post | 24. PARA
shelf |
| 8. PAPAN BERLARIK
carved panel | 17. RASUK PANJANG (KAYU PELANGAR)
bearer | 25. TINGKAP PAPAN KEMBUNG
panel window |
| 9. JENANG PINTU
window frame | | |

RUMAH BUMBUNG PANJANG PERAK PERAK LONG ROOFED HOUSE



Di Perak terdapat satu bentuk rumah tradisional Melayu yang berusia tua dipanggil Rumah Kutai. Rumah ini hanya terdapat berhampiran dengan tebing sungai Perak iaitu di Daerah Tengah, Hilir Perak dan Kuala Kangsar.

Rumah Kutai ialah rumah berbumbung panjang. Di sudut dinding tepinya dipasang tabir layar yang dibuat dari pelupuh yang berkelarai manakala dibawah kaki tabir layar terdapat pula alang para buang (peran) iaitu merupakan ruang yang beratap dan berlantai sebagai tempat menyimpan barang-barang.

Rumah Kutai mengandungi 12 ataupun 16 tiang pada rumah ibunya. Rumah ibu pula terdiri dari ruang serambi, ruang tamu dan bilik. Di sebelah belakangnya ialah rumah dapur yang di pisahkan oleh ruang selang yang tidak beratap.

Bahan-bahan binaan ialah dari kayu dan buluh. Kayu di gunakan untuk tiang dan rangka bumbung manakala dindingnya dari pelupuh dan atapnya ialah Rumbia.


The traditional Malay house in Perak is called the Rumah Kutai ("kutai" means old). These houses are only located by the banks of the Perak River, that is, in the Central District, Lower Perak and Kuala Kangsar.

The Rumah Kutai has an elongated roof with 'tabir layar' (gable ends) made of 'pelupuh yang berkelarai' (flattened bamboo strips interwoven in a pattern). At the base of the 'tabir layar' is the 'alang para buang' (attic) used mainly for storage.


The main section of the Rumah Kutai has 12 or 16 posts. It is made up of the 'serambi' (verandah), the 'ruang ibu' (living room) and a 'bilik' (room). At the back is the 'rumah dapur' (kitchen) which is separated by an unroofed passage called the 'ruang selang'.

The materials used are wood and bamboo. Wood is used for the posts and roof framework whilst the walls are made of bamboo and the attap is from the Rumbia (sago) palm.


RUMAH BUMBUNG PANJANG SELANGOR
SELANGOR LONG ROOFED HOUSE




KERATAN A-A
SECTION A-A




PANDANGAN HADAPAN
FRONT ELEVATION



PELAN LANTAI
FLOOR PLAN



PANDANGAN BELAKANG
REAR ELEVATION



PANDANGAN SISI KANAN
RIGHT ELEVATION

RUJUKAN reference

- | | | |
|---|--|---|
| 1. TULANG BUMBUNG
<i>ridge piece</i> | 10. KAWAN (PENGAPIT) DINDING
<i>boarding</i> | 18. TANGGA KAYU
<i>timber staircase</i> |
| 2. KASAU BETINA
<i>intermediate rafter</i> | 11. LANTAI PAPAN
<i>timber floor</i> | 19. LARIAN TIKUS |
| 3. KASAU JANTAN
<i>main rafter</i> | 12. GELEGAR
<i>joist</i> | 20. TABIR (TUBING) LAYAR
<i>gable end</i> |
| 4. GULUNG GULUNG
<i>batten</i> | 13. RASUK PANJANG (KAYU PELANCAR)
<i>beamer</i> | 21. TUMPU KASAU
<i>fascia board</i> |
| 5. TUNJUK LANGIT
<i>king post</i> | 14. RASUK PENDEK (PANDAK)
<i>tie</i> | 22. DINDING PELUPUH BERKELARAI
<i>'kelarai' bamboo board</i> |
| 6. ALANG PANJANG (KEPALA TIANG)
<i>timber bearer</i> | 15. JENANG PINTU
<i>door frame</i> | 23. BUMBUNG ATAP RUMBIA
<i>atapa roofing</i> |
| 7. ALANG LINTANG
<i>timber bracing</i> | 16. TIANG KAYU
<i>timber post</i> | 24. PINTU
<i>door</i> |
| 8. JENANG
<i>stud</i> | 17. ALAS (PELAPIK) TIANG
<i>stump</i> | 25. TINGKAP
<i>window</i> |
| 9. JENANG TINGKAP
<i>window frame</i> | | |

RUMAH BUMBUNG PANJANG SELANGOR SELANGOR LONG ROOFED HOUSE



Di beberapa buah kampung di Selangor masih terdapat rumah-rumah tradisional Melayu yang berusia lebih 60 tahun. Rumah jenis ini mempunyai kaitan rapat dengan rumah-rumah tradisional Melayu di Melaka dan Negeri Sembilan kerana pertalian sejarah.

Rumah tradisional Melayu Selangor yang asli terdiri dari tiga komponen iaitu rumah ibu, rumah tengah dan rumah dapur. Rumah ibu mempunyai ruang serambi berandah, anjung dan bilik. Rumah tengah terdiri dari ruang rumah tangga, bilik dan ruang tengah (laluhan) yang bersambung antara rumah ibu dan dapur. Rumah dapur di sebelah belakang merupakan tempat masak.
